

36,000 akaun SSPN1M dibuka dalam tempoh dua minggu



Yin Keen selepas menyampaikan deposit SSPN1M kepada penerima di Cheras, semalam.

➔ Dapat sambutan hangat ibu bapa utamakan tabungan pendidikan anak

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M) mendapat sambutan menggalakkan dengan 36,000 akaun dalam tempoh dua minggu pelaksanaannya dan layak menerima insentif geran sepadan RM500.

Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Wan Ahmad Wan Yusoff, berkata SSPN1M yang mula dilaksanakan 8 Januari lalu menerima sambutan hangat daripada ibu bapa yang mementingkan penabu-

ngan untuk masa depan anak.

“Dengan jumlah menggalakkan pada dua minggu pertama itu, kita percaya sasaran 50,000 akaun yang mendapat geran sepadan percuma RM500 bulan pertama dicapai.

“Bulan berikutnya, kita menyasarkan 100,000 akaun yang akan menerima RM500,” katanya pada majlis penyampaian deposit SSPN1M anjuran Yayasan Pendidikan Kawasan Bandar Tun Razak, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Yayasan Pendidikan Kawasan Bandar Tun Razak yang juga pengerusi Barisan Nasional kawasan itu, Datuk Chew Yin Keen.

Wan Ahmad berkata, kebanya-

Fakta
nombor

50,000
AKAUN

SSPN1M disasar dapat geran sepadan percuma bulan pertama

kan ibu bapa membuka akaun secara dalam talian menerusi laman web sspniplusonline, kaunter PTPTN, jemputan daripada sekolah dan pertubuhan bukan kerajaan.

Pada pembentangan Bajet 2018, sebanyak RM250 juta disediakan kepada 500,000 pencarum berumur 7 hingga 12 tahun dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional yang dijenamakan sebagai SSPN1M.

Bermula 1 Januari lalu hingga 31 Disember ini, ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan bersih dalam akaun SSPN1M sebanyak RM500 untuk anak berusia 7 hingga 12 tahun yang belajar di sekolah

rendah layak menerima Insentif Khas Geran Sepadan iaitu deposit percuma bernilai RM500.

RM250 juta geran sepadan

Insentif khas Geran Sepadan itu hanya boleh dikeluarkan apabila penerima manfaat mencecah usia 18 tahun.

“Geran sepadan ini diberikan kepada yang terawal membabitkan jumlah RM250 juta untuk tahun ini,” katanya.

Terdahulu, Yayasan Pendidikan Bandar Tun Razak menyampaikan sumbangan deposit RM50 seorang dalam akaun SSPN1M kepada 1,000 pelajar berusia 7 hingga 12 tahun di kawasan itu.